

Medan bincang nasib Melayu

KUALA LUMPUR 11 Nov. - Perhimpunan Agung UMNO yang akan bermula Isnin ini akan menjadi medan bagi orang Melayu membincangkan masalah dan pencapaian mereka secara kritikal, kata Naib Presiden UMNO Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata untuk itu, masyarakat lain di negara ini tidak harus melihatnya sebagai satu forum berunsur perkauman kerana perhimpunan setahun sekali itu antara lain untuk memberi peluang kepada anggota UMNO meluahkan segala pandangan dan kegelisahan mereka dalam perjuangan parti memartabatkan bangsa.

"Semasa perhimpunan, ahli UMNO boleh menyuarakan apa sahaja mengenai nasib orang Melayu termasuk pencapaian ekuiti Melayu di bawah Dasar Ekonomi Baru, pendidikan, sosial dan lain-lain. Jangan rasa hak mereka akan terhakis jika UMNO menyatakan sesuatu (mengenai Melayu dengan lebih jelas dan tegas," katanya dalam satu temubual di sini.

Muhyiddin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata sehubungan itu, ia tidak seharusnya dipertikaikan oleh sesiapa pun termasuk parti komponen Barisan Nasional (BN) sendiri.

"UMNO sebagai peneraju BN dari kerajaan serta mewakili kaum terbesar di negara ini

Walaupun bukan musim pemilihan parti, perhimpunan agung tahun ini masih istimewa kerana ia diadakan ketika rakyat mula memberi perhatian kepada cara kepimpinan Abdullah yang dilihat berbeza dengan kepimpinan sebelumnya

- Muhyiddin Yassin

mempunyai tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah orang Melayu kerana jika masalah orang Melayu tidak diselesaikan sekarang, maka masalah lebih besar akan berlaku kemudian," katanya.

Muhyiddin berkata pada perhimpunan kali ini, presiden UMNO dan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan turut memberikan penjelasan kepada anggota UMNO mengenai perancangan serta pencapaian beliau selepas tiga tahun memegang tampuk pemerintahan.

"Ini seperti nak sampaikan report kad mengenai apa yang beliau (Abdullah) telah laksanakan dan kejayaannya dalam melaksanakan pembangunan negara, agenda nasional, pencapaian parti, perpaduan serta langkah yang sudah diambil untuk memajukan orang Melayu dan rakyat," katanya.

Beliau berkata, walaupun bukan musim pemilihan parti, perhimpunan agung tahun ini masih istimewa kerana ia diadakan ketika rakyat mula memberi perhatian kepada cara kepimpinan Abdullah yang dilihat berbeza dengan kepimpinan sebelumnya yang pada masa itu lebih tertumpu kepada pembangunan fizikal.

Fokus

Muhyiddin berkata di bawah Abdullah, kerajaan memberi fokus kepada pembangunan insan dan rohaniah, bersikap telus, meningkatkan integriti dan lebih terbuka serta liberal kepada orang ramai, termasuk media untuk menyuarakan pandangan mereka.

Walaupun ada sesetengah pihak yang menyatakan pendekatan sedemikian menunjukkan kelemahan kerajaan dan UMNO,

Muhyiddin menegaskan ia sebenarnya memberi kekuatan baru kepada parti yang berusia 50 tahun itu.

"Ada orang mempertikaikannya sebab ia mungkin tidak dapat dilihat secara konkrit... tetapi dalam pembangunan negara, ini sebenarnya penting," kata Muhyiddin.

Mengenai kritikan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap kerajaan dan kepimpinan Abdullah sejak beberapa bulan lepas, Muhyiddin berkata beliau tidak menolak kemungkinan isu itu akan dibangkitkan pada perhimpunan agung namun ia bukanlah bakal menjadi isu besar untuk dibincangkan oleh para perwakilan.

"Saya tidak fikir akan ada banyak kelainan pada perhimpunan kali ini disebabkan perkara yang dibangkitkan Tun. Keadaan sekarang tidaklah sepanas seperti dua tiga bulan lepas kerana banyak perkara yang sudah selesai melalui penjelasan yang diberikan. Jikapun disentuh, ia mesti menjurus kepada isu," katanya.

Muhyiddin juga percaya UMNO mempunyai banyak isu lain yang perlu dibincangkan oleh para perwakilan seperti huraian baru mengenai Dasar Ekonomi Baru, metodologi tentang pencapaian ekonomi Melayu dan pendidikan orang Melayu.

Beliau yang juga pengerusi jawatankuasa pindaan perlembagaan dan usul UMNO berkata perhimpunan agung khas tidak akan diadakan tahun ini memandangkan tiada pindaan perlembagaan yang perlu dibentangkan untuk kelulusan.